



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA
MALAYSIA

☎ 03-8870 4426
✉ ukk@dof.gov.my
🌐 <http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (51)

KENYATAAN MEDIA

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA TEGASKAN KOMITMEN GLOBAL LINDUNGI SPESIES MARIN DI *CONVENTION ON INTERNATIONAL TRADE IN ENDANGERED SPECIES OF WILD FAUNA AND FLORA – CITES COP20*

PUTRAJAYA, 01 Disember 2025 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) terus memperkukuh komitmen negara dalam tadbir urus perdagangan hidupan marin melalui penyertaan Dato' Haji Adnan Bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, dalam *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES) – Twentieth Meeting of the Conference of the Parties (COP20)* serta Mesyuarat Jawatankuasa Tetap CITES ke-79 dan ke-80 (SC79 & SC80) yang berlangsung di Silk Road Samarkand Expo Center, Uzbekistan, dari 23 November hingga 5 Disember 2025.

Malaysia hadir sebagai sebahagian daripada delegasi Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bersama agensi-agensi berkaitan merangkumi Jabatan PERHILITAN, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Jabatan Hidupan Liar Sabah (JHLS) dan Jabatan Perikanan Sabah (DOFS). Persidangan tiga tahun sekali ini menghimpunkan 185 negara bagi menyelaraskan tindakan global untuk memastikan perdagangan hidupan liar dijalankan secara mampan, membanteras aktiviti haram, memperkukuh tadbir urus CITES serta menilai cadangan penyelarasan spesies flora dan fauna ke dalam *Appendiks CITES*.

Di bawah kerangka CITES, Lampiran I menyenaraikan spesies tumbuhan dan haiwan yang berada pada tahap ancaman kepupusan akibat perdagangan antarabangsa, di mana semua aktiviti perdagangan komersial adalah dilarang kecuali bagi tujuan luar biasa seperti penyelidikan saintifik atau pemuliharaan. Lampiran II pula merangkumi spesies yang belum terancam pada masa ini tetapi berisiko menjadi terancam sekiranya perdagangan tidak dikawal; oleh itu, perdagangan komersial masih dibenarkan namun tertakluk kepada kawal selia ketat menerusi permit eksport atau sijil eksport semula. Kebanyakan spesies marin global berada dalam kategori Lampiran II.



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraja Perikanan

Pada tahun ini, sebanyak 11 genus dan spesies marin menjadi fokus utama perbincangan pindaan Lampiran I dan II. Antaranya ialah *Oceanic Whitetip Shark (Carcharhinus longimanus)*, yang dikenali sebagai Yu Sirip Putih Besar; *Manta Rays*, iaitu *Mobula birostris* atau Pari Tanduk, dan *Mobula alfredi* atau Pari Paus Mulut Putih; serta *Whale Shark (Rhincodon typus)*, dikenali sebagai Yu Paus. Selain itu, isu perdagangan penyu, batu karang, kuda laut, kaviar, ikan hiasan marin dan gamat turut dibincangkan, selaras dengan usaha antarabangsa memperkukuh kelestarian biodiversiti marin.

Mengulas mengenai penyertaan Malaysia, Dato' Haji Adnan berkata, "Penyertaan Malaysia dalam COP20 adalah bukti komitmen berterusan negara dalam memastikan sumber marin diurus secara berhemah dan berasaskan sains. Perdagangan hidupan liar, khususnya spesies marin berkepentingan tinggi, perlu dikawal rapi agar tidak menjejaskan kelestarian ekosistem. Malaysia akan terus memainkan peranan aktif dalam proses membuat keputusan di CITES bagi memastikan kepentingan negara terlindung, di samping menyokong usaha pemuliharaan global."

Penyertaan Malaysia dalam COP20 dan mesyuarat SC79 dan SC80 mencerminkan kesungguhan negara untuk terus melindungi biodiversiti, mengukuhkan kerjasama antarabangsa serta memastikan perdagangan hidupan liar diurus secara bertanggungjawab tanpa menjejaskan kepentingan nasional.

Pautan gambar :

https://drive.google.com/file/d/1DFJcyywu_elv-xSgEXodorkkhbcOtHq7/view?usp=sharing

— TAMAT —

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my